

Oleh Mimi Rabita
Abdul Wahid
bhvarsiti@bharian.com.my

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberi suntikan semangat kepada pelajar sekolah untuk melanjutkan pengajian hingga ke menara gading menerusi program Tautan Budi di Medan, Indonesia, baru-baru ini.

Seramai 32 mahasiswa UMP mengadakan motivasi itu di Permatang Siantar membabitkan 15 pelajar Amik Tunas Bangsa (Amik) dan 200 pelajar sekolah menengah.

Bersempena dengan program itu juga, mereka menanam 100 pokok buah-buahan termasuk mangga di sekitar Taman Eden 100 di Danau Toba sebagai usaha melestarikan jiran itu.

Tanam pokok

Pengarah program, Faaris Assyifa Radi, berkata program itu bertujuan menggerakkan hubungan mahasiswa dengan masyarakat luar negara selain berkongsi budaya dan memperkenalkan UMP.

"Lawatan ke Medan membolehkan kami bertemu pelajar sekolah di negara jiran bagi menerapkan semangat belajar bersungguh-sungguh sebagai 'pasport' mencapai cita-cita

Pelajar UMP ke Medan

“PROGRAM MENANAM POKOK DIJADIKAN ACARA SIMBOLIK MENGERAKTAN HUBUNGAN SEDIA TERJALIN SELAIN MENYOKONG KEMPEN ‘SATU WARGA SATU POKOK’”

apabila dewasa kelak.

"Program menanam pokok dijadikan acara simbolik mengerakkan hubungan sedia terjalin selain menyokong kempen 'Satu Warga Satu Pokok' yang diperkenalkan dalam kalanng penduduk negara itu.

Nama pada pokok

"Nama pelajar UMP turut tertera pada setiap pokok ditanam sebagai tanda kenangan," katanya.

Faaris Assyifa berkata, sebagai menghargai inisiatif mahasiswa UMP itu, pelajar AMIK mempersenbachkan tarian tradisional dan muzik diiringi tiupan seruling serta gendang

bagi memperkenalkan seni masyarakat Indonesia.

Guru Besar Sekolah Teladan Pematang Siantar, Sudarlian, berkata program itu memberi peluang kepada pelajar UMP berkongsi pengalamannya dan meningkatkan keyakinan diri.

"Kami amat menghargai sumbangan pelajar UMP ini dan gembira kerana berjaya mengerakkan silaturahim," katanya dalam Majlis Penutup Program Tautan Budi di sekolah berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Abdul Shukur Ishak serta Direkttor Amik Tunas Bangsa, Rahmat W Sembiring.



Pelajar UMP menjayakan program motivasi bersempena dengan Program Tautan Budi bersama-sama pelajar Sekolah Teladan Pematang Siantar Indonesia.